



Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/10/24/0078 (13)
Tarikh : 15 November 2024

NIRVANA CARE SDN BHD
Level 3A & Mezzanine Floor,
Wisma Nirvana,
No 1, Jalan 1/116A,
Off Jalan Sungai Besi,
57100 Kuala Lumpur.

Tuan/Puan,

PROJEK / KERJA : PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DI BAWAH SUBSEKSYEN 21(1), AKTA 172 BAGI TUJUAN CADANGAN TAMBAHAN DAN UBAHSUAI SEBUAH BANGUNAN 2 1/2 TINGKAT YANG MENDUNGSI: - PUSAT GALERI PERINGATAN DI TINGKAT ARAS BAWAH, TINGKAT 1 DAN TINGKAT 2 - PEJABAT PENGURUSAN DI TINGKAT BUMBUNG DI ATAS LOT 370 - 379, BANDAR IPOH SELATAN, DAERAH KINTA, PERAK DARUL RIDZUAN UNTUK TETUAN NIRVANA CARE SDN BHD

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Bandaraya Ipoh dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

| Bil. | Perkara |
|------|--|
| i. | Menjelaskan bayaran caj perkhidmatan OSA sebanyak RM 5,100.00 seperti yang di muatnaik dalam sistem KUDRAT (sebut harga : QT-10-0078) |
| ii. | Menjelaskan bayaran permit sebanyak RM 500.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf |
| iii. | Menjelaskan wang cagaran sebanyak RM 500.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf (wang akan dikembalikan setelah 12 bulan kerja siap) |
| iv. | Turapan semula jalan hendaklah dibuat dengan kelebaran korekan jalan yang terlibat sahaja. |
| v. | Pelan Infrastruktur Utiliti (UDM) dan Pelan Kawalan Trafik (TCP) diperlukan bagi syarat-syarat kelulusan permit |
| vi. | Jumlah korekan pit adalah 5 pit |
| vii. | Kedudukan mesin/ jentera <i>Horizontal Directional Drilling</i> (HDD) yang digunakan hendaklah berada pada sudut paling minima aliran lalulintas sedia ada berdasarkan pelan TCP yang diluluskan |





Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/10/24/0078 (13)
Tarikh : 15 November 2024

PROJEK / KERJA : PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DI BAWAH SUBSEKSYEN 21(1), AKTA 172 BAGI TUJUAN CADANGAN TAMBAHAN DAN UBAHSUAI SEBUAH BANGUNAN 2 1/2 TINGKAT YANG MENDUNGI: - PUSAT GALERI PERINGATAN DI TINGKAT ARAS BAWAH, TINGKAT 1 DAN TINGKAT 2 - PEJABAT PENGURUSAN DI TINGKAT BUMBUNG DI ATAS LOT 370 - 379, BANDAR IPOH SELATAN, DAERAH KINTA, PERAK DARUL RIDZUAN UNTUK TETUAN NIRVANA CARE SDN BHD

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan/Puan hendaklah mengemukakan kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.
4. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (*indemnity*) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak Sehingga Tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "**Defected Liability Period**" (DLP). Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*), Yang DiPertua Majlis Bandaraya Ipoh serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.
5. Pihak Tuan/Puan juga diminta untuk menjelaskan bayaran Caj Perkhidmatan OSA (Sebut Harga: QT-10-0078) bagi membolehkan permohonan kelulusan permit pihak Tuan/Puan diproses. Bersama-sama ini disertakan **Borang Permohonan Mendapatkan Kelulusan Serta Permit Bagi Kerja di Dalam Rizab Jalan Majlis Bandaraya Ipoh dan Borang Bayaran Wang Cagaran** bertarikh **14 November 2024** untuk tindakan selanjutnya oleh pihak Tuan/Puan. (Cek perlu disediakan secara berasingan)
6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh seperti di lampiran.
7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kelulusan izin lalu ini hanya sah dalam tempoh 6 bulan (**180 hari**) sahaja dan pihak Tuan/Puan perlu melengkapkan syarat -syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan/Puan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan/Puan perlu mengemukakan permohonan yang baru kepada pihak kami.





Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/10/24/0078 (13)
Tarikh : 15 November 2024

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DI BAWAH
SUBSEKSYEN 21(1), AKTA 172 BAGI TUJUAN CADANGAN
TAMBAHAN DAN UBAHSUAI SEBUAH BANGUNAN 2 1/2 TINGKAT
YANG MENDUNGSI: - PUSAT GALERI PERINGATAN DI
TINGKAT ARAS BAWAH, TINGKAT 1 DAN TINGKAT 2 - PEJABAT
PENGURUSAN DI TINGKAT BUMBUNG DI ATAS LOT 370 - 379,
BANDAR IPOH SELATAN, DAERAH KINTA, PERAK DARUL
RIDZUAN UNTUK TETUAN NIRVANA CARE SDN BHD**

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

8. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami **Encik Zulkifli Bin Mat Isa** di talian **019-7790325** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH)
Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OPS/14/11/2024/Hasnita/zul

s.k :

Pengarah Kejuruteraan Bandaraya
Majlis Bandaraya Ipoh,
Jalan Sultan Abdul Jalil,
Greentown,
30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p: Bahagian Kejuruteraan Infra)

